

# [THE DOCTRINE AND SPIRITUAL PRACTICES OF THE NEW AGE MOVEMENT]

## DOKTRIN DAN AMALAN KEROHANIAN GERAKAN NEW AGE

Aimi Rasyida Junedi

p104150@siswa.ukm.edu.my

Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam

Universiti Kebangsaan Malaysia

Nozira Salleh (Corresponding Author)

aziera@ukm.edu.my

Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam

Universiti Kebangsaan Malaysia

### Abstrak

Krisis hidup yang semakin mencabar, kesedaran terhadap kesejahteraan diri dan keseimbangan fizikal, jasmani, emosi, mental dan sosial mutakhir ini memberi dampak dalam kehidupan individu, justeru, keperluan dan minat mereka terhadap aspek kerohanian semakin meningkat. Peningkatan ini mendedahkan masyarakat kepada pelbagai amalan kerohanian termasuk idea kerohanian New Age secara sedar mahupun tanpa sedar. Oleh hal yang demikian, dengan metodologi kajian kualitatif, kajian ini menjelaskan definisi dan latar belakang gerakan New Age, di samping mengenal pasti idea-idea kerohanian yang dipegang oleh gerakan ini merangkumi konsep evolusi kerohanian, metafizik dan amalan kerohanian New Age. Kajian ini mendapat bahawa New Age merupakan satu aliran kerohanian yang sukar untuk didefiniskan secara seragam kerana ia berpegang pada relativisme, individualisme, bersikap bebas dan meraikan apa jua bentuk kepercayaan, pemikiran dan ajaran di samping mengamalkan sinkretisme dan eklektisisme dalam membentuk dimensi kerohaniannya. Walaupun ia sering difahami sebagai sebuah gerakan yang sekadar menawarkan kepelbagaiuan amalan dan idea kerohanian, secara dasarnya ia berpegang kepada prinsip panteisme dan monisme di mana manusia dianggap sebagai tuhan yang berupaya mencipta realiti mereka sendiri. Akhir sekali, dapat disimpulkan bahawa doktrin dan prinsip yang dibawa oleh New Age menunjukkan ia sebagai sebuah gerakan yang tidak memiliki identiti yang tetap dan kurang eksklusif.

**Kata kunci:** New Age, kerohanian, kebatinan, metafizik, budaya kontra.

### Abstract

*In the face of increasingly challenging life crises, awareness of self-care and the holistic balance of one's physical, emotional, mental, and social well-being has had a significant impact on individuals' lives. Consequently, their needs and interests in spiritual aspects have been on the rise. This increase exposes society to various spiritual practices, including New Age spirituality, whether consciously or unconsciously. Therefore, with a qualitative research methodology, this study elucidates the definition and background of the New Age movement, while identifying the spiritual ideas embraced by this movement, encompassing the concepts of spiritual evolution, metaphysics, and New Age spiritual practices. The study finds that New Age is a spiritual movement that is difficult to define uniformly because it adheres to relativism, individualism, a free-spirited attitude, and celebrates any form of belief, thought, and teachings, while also practicing syncretism and eclecticism in shaping its spiritual dimension. Although often understood as merely offering a diversity of spiritual practices and ideas, it fundamentally adheres to the principles of pantheism and monism, where humans are considered capable of creating their own reality as gods. In conclusion, the doctrines and principles of the New Age movement indicate that it lacks a fixed identity and is less exclusive.*

**Keywords:** New Age, spirituality, metaphysics, esotericism, counterculture.

Article Received:  
22 October 2023

Article Reviewed:  
2 April 2024

Article Published:  
26 December 2024

## PENGENALAN

Disiplin kerohanian difahami dan diaplikasikan dalam kehidupan seharian individu bergantung kepada tujuan tertentu. Masyarakat Malaysia yang majoritinya Bumiputera dan beragama Islam (69.9%) menjadikan syahadah, solat, puasa, membayar zakat dan menunaikan haji sebagai disiplin kerohanian sekali gus tuntutan agama yang wajib dilaksanakan. Manakala masyarakat India dan Cina dan lain-lain sama ada beragama Buddhisme, Kristian, Hinduisme, Taoisme mahupun Sikhisme dan sebagainya mengamalkan amalan kerohanian menurut ajaran dan kepercayaan agama masing-masing.

Di Malaysia, statistik pesakit mental menunjukkan peningkatan yang ketara saban tahun, begitu juga dengan kes bunuh diri yang dilaporkan (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2021; Noor Atiqah, 2022). Sehubungan dengan itu, kesedaran kesihatan mental dalam kalangan rakyat Malaysia juga semakin meningkat oleh setiap peringkat umur, dipromosikan oleh badan kerajaan seperti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan pertubuhan bukan kerajaan seperti Persatuan Kesedaran dan Sokongan Penyakit Mental (MIASA) melalui media massa.

Seiring dengan itu serta didorong oleh kecanggihan teknologi dan kebebasan dalam penggunaannya, individu sebagai pengguna lebih mudah terdedah dan terpengaruh kepada satu-satu maklumat, ajaran, fahaman dan amalan kerohanian. Amalan kerohanian, beberapa istilah lain yang sinonim dengannya ialah “kontemplasi”, “pencarian makna dalam hidup”, “doa dan ibadah”, “pengembangan diri secara spiritual” dan “latihan keagamaan”. Disiplin kerohanian atau spiritual merupakan praktis transformasi untuk tujuan pengembangan peribadi mencapai kehidupan yang bermakna (Carr-Chellman & Kroth, 2017). Ia mempengaruhi banyak aspek kehidupan, yang mana ia membantu individu dalam penentuan suatu keputusan di samping memberi efek ketenangan dan kesejahteraan mental terutamanya semasa berlakunya krisis hidup (Brennan, 2020). Oleh kerana kerohanian sering disifatkan lebih individualistik dan subjektif berbanding agama, ia sering diamalkan secara bebas walaupun ia selalu diungkapkan melalui agama (Peters, 2022).

New Age sebagai fokus kajian ini merupakan sebuah gerakan kerohanian di Barat yang mana idea dan fahamannya tersebar dan menarik para pengikut melalui sumber media dan seminar (Höllinger, 2004). Fahaman yang dibawa secara signifikannya bertentangan dengan nilai dan ajaran Islam, bahkan ia turut ditolak oleh agama tradisional lain seperti Kristian dan Yahudi. Populariti gerakan ini kian hilang di dunia Barat, namun terdapat sebilangan idea yang masih tersebar dan mempengaruhi pemikiran orang awam melalui saluran tertentu tanpa disedari, sekali gus menjadi ancaman kepada pegangan akidah umat Islam (Hanegraaff, 1996). Oleh hal yang demikian, kajian ini berusaha untuk menjawab persoalan apakah yang dimaksudkan dengan New Age sebagai sebuah gerakan yang membawa kepelbagai bentuk amalan kerohanian dan pembangunan diri.

## DEFINISI DAN LATAR BELAKANG NEW AGE

Kajian esoterisme Barat semakin mendapat perhatian dalam lapangan penyelidikan akademik sejak 1990-an. Istilah “esoterisme Barat” merupakan istilah payung bagi pelbagai set tradisi dan sejarah di Barat merangkumi pelbagai jenis aliran keagamaan, intelektual dan seni terutamanya

berkenaan ilmu ghaib, kosmologi hermetisme<sup>1</sup> dan neoplatonisme, okultisme<sup>2</sup> abad sembilan belas dan kerohanian alternatif kontemporari. Esoterisme daripada perkataan “esoterik” merujuk kepada idea doktrin tersembunyi (seperti perennialisme<sup>3</sup>) dan pengetahuan tentang penyelamatan (*salvation*) (Asprem, 2020). Istilah esoterisme dan *New Age* cenderung digunakan bagi membahaskan perihal yang sama. Esoterisme barat dan *New Age* memiliki jalur sejarah yang bersambung kerana proses tafsiran, pemahaman dan pengetahuan yang berterusan. Sudut pandang dan idea sentiasa berubah dan berkembang tertakluk kepada konteks budaya semasa, tetapi konteks budaya juga turut diubah oleh idea-idea yang sentiasa berubah dari semasa ke semasa (Hanegraaff, 2007).

### Definisi *New Age*

Istilah *New Age* muncul seawal 1864 oleh Warren Felt Evans (1817-1889) melalui penerbitan *The New Age and its Message* (1864). Penggunaan istilah tersebut merujuk kepada era dan dunia baharu iaitu permulaan zaman kehidupan manusia yang lebih baik (Heelas 1996). Ia menjadi subjek perdebatan akademik dan dibincangkan oleh para sarjana dalam pelbagai bidang dan kajian agama. Para sarjana memiliki pandangan yang berbeza dalam mendefinisi dan membina sempadan *New Age*, sama ada ia sebuah budaya, subbudaya, agama, subagama ataupun koleksi amalan kerohanian. Ia dijelaskan berdasarkan latar belakang sarjana itu sendiri sama ada daripada kerangka sosiologi, agama maupun antropologi (Kemp 2007).

Michael York<sup>4</sup> (1995) mendefinisikan *New Age* sebagai sebuah jaringan longgar bagi para pencari dan guru spiritual yang memiliki kecenderungan bersama terhadap transformasi diri dan pengembangan kesedaran. *New Age* ditandai dengan penekanan terhadap pertumbuhan dan penerokaan diri serta mengutamakan intuisi dan pengalaman peribadi, sekali gus menolak dogma dan autoriti agama tradisional. Gerakan ini juga, menurut York, mengambil sumber daripada berbagai tradisi agama dan spiritual termasuk agama-agama Timur, kepercayaan shaman (pawang) dan tradisi-tradisi Barat esoterik (York, 1995). Begitu juga menurut Paul Heelas dan Linda Woodhead (2005), *New Age* ditanggapi sebagai sebuah aliran kerohanian baharu atau *New Spirituality* yang menekankan pengalaman peribadi, penerokaan diri dan individualisme. Mereka berpendapat bahawa *New Age* adalah respon daripada kemerosotan institusi agama tradisional serta impak daripada peningkatan masyarakat yang pelbagai, sikap individualistik dan global. Justeru itu *New Age* dilihat berupaya memberi makna, sebagai penghubung spiritual kepada individu<sup>5</sup>.

Dalam pada itu, mereka mencirikan gerakan atau aliran ini sebagai sebuah subbudaya (Heelas & Woodhead, 2005). Gordon Melton (1992) turut mendefinisikan *New Age* sebagai gerakan rohani dan merupakan sebuah percubaan moden untuk mengintegrasikan unsur-unsur dari tradisi keagamaan timur dan barat serta falsafah dan psikologi Barat. Menurutnya, *New Age* menekankan pemulihan keselarasan antara diri manusia dan alam semulajadi dengan memberi tumpuan kepada kekuatan dalaman dan tenaga rohaniah, di samping melihat manusia sebagai entiti yang menyatukan kefahaman material dan spiritual.

<sup>1</sup> Hermetisme merujuk kepada sistem falsafah dan agama yang berasal daripada ajaran Hermes Trismegistus, berkaitan penyatuhan dewa Yunani Hermes dan dewa Mesir Thoth. Ajaran-ajaran ini terdapat dalam teks-teks yang dipercayai berasal dari Hermes iaitu *Hermetica* yang dihasilkan dalam tempoh antara 300 sebelum masih sehingga 1200 masih dengan kandungan dan skop yang pelbagai dan berbeza (Bull, 2018).

<sup>2</sup> Okultisme merujuk kepada teori, amalan dan ritual yang didasarkan pada pengetahuan esoterik mengenai dunia roh dan kuasa yang tidak diketahui. Ini termasuk astrologi, alkimia, ramalan dan ilmu sihir. Tradisi okultisme barat berakar daripada warisan ilmu sihir dan alkimia Hellenistik serta mistik Yahudi yang dikaitkan dengan Kabbala. Perkembangan okultisme dalam konteks barat terutamanya, dipengaruhi oleh ajaran Hellenistik dan Kabbala (The Editors of Encyclopaedia Britannica, 2003).

<sup>3</sup> Falsafah perennial atau perennialism merujuk kepada sebuah perspektif falsafah agama dan kerohanian yang berpandangan bahawa semua tradisi agama berkongsi satu kebenaran metafizik yang tunggal dan universal yang menjadi dasar bagi seluruh pengetahuan dan doktrin keagamaan sama ada yang tersembunyi (esoterik) maupun yang terbuka (eksoterik) (Huxley, 2009).

<sup>4</sup> Michael York (1995) merupakan seorang sarjana agama yang telah menulis secara ekstensif mengenai gerakan *New Age*, antaranya di dalam bukunya yang berjudul “*The Emerging Network: A Sociology of the New Age and Neo-Pagan Movements*” (1995).

<sup>5</sup> Hal ini kerana *New Age* mengekspresikan keragaman dan fleksibel dalam penyebaran gagasan-gagasan kerohanian dan menawarkan jalan alternatif untuk pencarian spiritualiti yang lebih inklusif dan peribadi (Heelas & Woodhead, 2005).

Selain menekankan aspek kesedaran diri, ia turut memfokuskan penjagaan kesihatan holistik, sains rohani dan pemulihan unsur-unsur mistikal dalam kepercayaan dan amalan rohani. Melton menekankan bahawa *New Age* bukan sebuah agama, tetapi lebih kepada satu pendekatan holistik dalam kehidupan dan pencarian kefahaman yang lebih mendalam tentang alam semesta dan hakikat kehidupan (Melton, 1992). Heelas (1999) menjelaskan *New Age* sebagai salah satu bentuk kerohanian diri (*self-spirituality*), sebuah versi kerohanian humanisme yang mengangkat nilai-nilai moden tentang kebebasan, keikhlasan, kesaksamaan dan kebaikan serta keunikan setiap individu (Heelas, 1999).

Cumbey (1983) menjelaskan *New Age* adalah rangkaian global yang terdiri daripada puluhan ribu pertubuhan yang bekerjasama yang berpegang kepada matlamat “penyatuan dalam kepelbagaian” (*unity in diversity*) untuk membentuk sebuah tatanan dunia baharu berasaskan ajaran esoterik dan mistik yang tersusun (Cumbey 1983). Dengan itu juga Steven Sutcliffe mentafsirkan *New Age* sebagai kod dan singkatan bagi kepelbagaian amalan rohani alternatif (Frisk & Nynäs 2009). Ia merupakan satu koleksi atau gagasan proses sosial yang pelbagai dan beragam sebagaimana pandangan Robert Ellwood (1994), selain sebagai sebuah gerakan spiritual yang kompleks dan sinkretistik yang menggabungkan elemen-elemen daripada pelbagai agama<sup>6</sup> dan tradisi falsafah, ia mencipta satu set praktis kerohanian yang unik dan eklektik respon daripada pasca Perang Dunia Kedua sekali gus mempengaruhi kerohanian kontemporari dan budaya popular (Ellwood, 1994).

Seterusnya Olav Hammer (2004) mentakrifkan gerakan ini sebagai gerakan sinkretik yang dicirikan oleh eklektisme, penekanan kepada konsep pembangunan rohani, di samping sebagai rangkaian tidak formal bagi pencari dan pengamal amalan kerohanian. Ia dicirikan sebagai gerakan sinkretik kerana ia mengambil pelbagai sumber kerohanian daripada pelbagai tradisi spiritual dan falsafah yang berbeza, menggabungkan elemen dari agama Timur dan Barat, serta ajaran esoterik.

Pengamal *New Age* cenderung terbuka kepada pelbagai kepercayaan dan amalan, terlibat dalam proses penyelidikan dan eksperimen rohani bahkan mencipta jalan kerohanian tersendiri. Kecondongan terhadap sinkretisme ini dapat menghasilkan percampuran tradisi dan amalan yang berbeza, mencipta landskap rohani yang pelbagai dan eklektik. Walau bagaimanapun, setiap pengamal *New Age* tidak beramat pada tahap sinkretisme yang sama akibat banyak kepelbagaian di dalam gerakan tersebut (Hammer, 2004).

Ia juga merupakan sebuah sistem agama yang telah digabungkan dengan elemen psikik dan juga penyucian psikologi yang mana ia menekankan penggabungan pertumbuhan peribadi dengan konsep penyelamatan dalam agama sehingga ia sukar untuk dibezakan antara elemen psikologi dengan elemen kerohanian (Hanegraaff, 2007).

*New Age* dapat diibaratkan seperti hidangan buffet, yang mana setiap individu bebas untuk memilih makanan untuk pinggan mereka. Ia berdiri sebagai gerakan yang bersifat terbuka dan bebas dalam menerima apa jua kepercayaan dan tradisi serta menggabungkan unsur-unsur psikologi moden dan sains metafizik dalam pencarian, keselarasan dan keunggulan spiritual (Frisk & Nynas, 2009).

Dalam pada itu, fenomena *New Age* merupakan sintesis daripada kepelbagaian gerakan dan aliran pemikiran yang sedia ada (Lewis & Melton, 1992). Seterusnya, dalam kajian sejarah agama oleh Hanegraaff (1996) menjelaskan ia merupakan satu bentuk sekularisasi esoterisme dengan mengubah amalan kebatinan klasik menjadi amalan kebatinan yang memenuhi kehendak dunia moden dan saintifik (Hanegraaff, 1996). Ini menjelaskan bahawa *New Age* merupakan sebuah gerakan pembugaran (*revivalist movement*) dan ‘tiruan’, berbanding sebuah gerakan baharu. Ia memunculkan kembali tradisi kerohanian terdahulu dengan perspektif yang lebih segar dan moden, yang mana gantian daripada tradisi lapuk dan pesimis kepada definisi yang berbeza (Gleig, 2014).

<sup>6</sup> Menurut Ellwood, *New Age* mengambil tradisi kerohanian Timur dan Barat iaitu Kristianiti, Hinduisme, Buddhisme, Taoisme, begitu juga tradisi esoterik dan misteri (*occult*) seperti Hermetisme, Teosofi dan Rosikrusianisme (Ellwood, 1994).

Secara keseluruhannya, fenomena *New Age* merupakan suatu yang sukar untuk dijelaskan dan difahami secara seragam, bahkan para sarjana seperti Sutcliffe dan Gilhus menyimpulkan bahawa kajian terhadap *New Age* merupakan antara subjek yang paling dipertikai dalam lapangan kajian agama (S J Sutcliffe & Gilhus, 2013). Tanpa organisasi, institusi dan pengasas, *New Age* seakan tidak memiliki identiti khusus dan sukar untuk dikenalpasti dalam kalangan aliran kerohanian Barat abad sembilan belas (Melton, 1992).

### Latar Belakang *New Age*

Kemunculan *New Age* adalah perkembangan akibat daripada pascamodenisme dan rentetan daripada agenda penentangan modenisme (*counter-modernism*). Pascamodenisme menolak pemikiran tradisional dan autoriti tunggal dengan memperjuangkan subjektivisme<sup>7</sup>, relativisme<sup>8</sup> dan pluralisme<sup>9</sup>. *New Age* mencerminkan ciri-ciri tersebut dengan kecenderungan mencari kebenaran dan makna secara subjektif serta mencampurkan elemen-elemen daripada pelbagai tradisi kerohanian dan kepercayaan (Duignan, 2024).

*New Age* merupakan respon kepada pemodenan Barat sebagaimana gerakan Wicca dan Pagan yang membawa tradisi esoterik. Gerakan-gerakan ini cenderung menarik bangsa berkulit putih kelas pertengahan dan memiliki pengaruh yang sama, namun ia memiliki pemisah yang ketara dalam orientasi kosmologi (Zwissler, 2018). Menurut Hanegraaff, *New Age* merupakan satu fenomena utama dalam keagamaan dan juga satu bentuk kritikan budaya (*cultural criticism*) yang popular (Hanegraaff, 1996). Penggunaan istilah “*New Age*” digunakan untuk menyampaikan idea bahawa cara hidup yang jauh lebih baik akan bermula (Heelas, 1999).

Pandangan dunia “holistik” sebagai prinsip *New Age* dianggap sebagai jawapan bagi memenuhi matlamat tersebut, sekali gus berupaya menggalakkan nilai persaudaraan dan komunitarianisme bagi menggantikan orientasi individualistik. Namun seiring dengan waktu, kejatuhan gerakan-gerakan tersebut telah mengubah karakter dan mengaburi identiti budaya saingan *New Age*. Hal demikian, kaedah esoterik dan kerohanian *New Age* mula mengambil tempat dan tersebar di dalam pasaran buku dan media tempatan, begitu juga di dalam seminar dan bengkel pembangunan diri (Höllinger, 2004). *New Age* yang berkembang di Barat sekitar 1970-an dan 1980-an mewar-warkan kedatangan sebuah zaman baharu. Fenomena gerakan ini tersebar melalui komuniti ilmu ghaib dan metafizik, serta melalui media massa dan penulisan akhbar, majalah dan buku dengan kata kunci seperti “holistik”, “perpaduan dan keharmonian sejagat”, “kebangkitan kuasa kosmik”, “potensi manusia” dan sebagainya ke dalam segenap lapangan budaya – sosiologi, psikologi, perubatan, ekologi dan agama (Kreitz, 1999).

Oleh kerana *New Age* bukan sebuah gerakan yang berinstansi dan tidak dapat dikenalpasti akar umbinya secara jelas, Hanegraaff (2007) menetapkan awal kemunculan *New Age* di Eropah dan Amerika, kedua-duanya bermula pada tahun 1950-an dan dikenali sebagai “*Proto-New Age*”<sup>10</sup>. Ia bermula sejak kepercayaan “objek terbang yang tidak dapat dikenalpasti” (lebih dikenali sebagai UFO iaitu *Unidentified Flying Object*) menarik perhatian sebahagian masyarakat di Barat sehingga munculnya sebilangan kultus bersandarkan ilmu ghaib. Keadaan ini terdorong oleh kepercayaan apokaliptisme<sup>11</sup>. Makhluk asing sebagai penghuni UFO

<sup>7</sup> Subjektivisme adalah pandangan bahawa kebenaran atau nilai-nilai bergantung kepada pandangan subjektif atau pengalaman individu. Dalam konteks epistemologi (ilmu pengetahuan), subjektivisme menyatakan bahawa pengetahuan didasarkan pada pengalaman dan persepsi subjektif individu, sehingga tidak ada kebenaran yang objektif.

<sup>8</sup> Relativisme adalah pandangan bahawa kebenaran, nilai atau makna relatif terhadap konteks atau kerangka acuan tertentu. Dalam konteks epistemologi, relativisme berpendapat bahawa pengetahuan dan kebenaran relatif terhadap budaya, waktu atau situasi tertentu.

<sup>9</sup> Pluralisme adalah pandangan atau konsep yang mengakui dan menghargai keberagaman atau keragaman dalam berbagai aspek kehidupan, seperti agama, budaya, politik atau pemikiran. Ini mencakup pengakuan bahawa terdapat berbagai keyakinan, nilai, tradisi dan cara pandang yang sah dan layak dihormati.

<sup>10</sup> Permulaan *New Age* bermula 1950-an dengan definisi ‘strict sense’ menurut Wouter Hanegraaff merujuk kepada gerakan milenial yang muncul sekitar 1940-an sehingga 1950-an berpaksikan kepercayaan apokaliptisme (Hanegraaff, 1996).

<sup>11</sup> Apokaliptisme merupakan kepercayaan agama bahawa pengakhiran dunia (kiamat) akan berlaku dan terjadinya kemasuhan peradaban secara keseluruhan disebabkan oleh sebuah malapetaka yang melanda dunia (Greisiger, 2015). Malapetaka yang

dianggap sebagai penyelamat manusia daripada kehancuran peradaban yang secara dasarnya berpunca daripada kekejilan sistem pemerintahan. Oleh demikian, sebuah peradaban baharu yang dipanggil “New Age” akan muncul dan manusia akan hidup mengikut undang-undang rohani sejagat<sup>12</sup>. Era tersebut digambarkan dengan kedamaian, kasih sayang, kemakmuran dan kejayaan hakiki (Hanegraaff, 2007).

New Age memberi inspirasi kepada dunia muzik, politik, pendidikan dan kesihatan sebagai sebahagian daripada budaya balas tahun 1960-an, mempromosikan cita-cita seperti mengejar keadilan sosial dan kesaksamaan menolak dasar kapitalisme arus perdana (Peters, 2022). Menjelang 1960-an, gerakan budaya kontra (*counterculture*)<sup>13</sup> semakin bercambah, menolak sistem pemerintahan arus perdana<sup>14</sup> dan ia dikaitkan dengan fenomena New Age (Hanegraaff, 2007). Ia merupakan gerakan generasi belia yang menandakan era perubahan identiti, fesyen, kesenian, institusi kekeluargaan dan seksualiti - manifestasi penolakan terhadap norma sosial; budaya, perkauman, etnik dan politik yang tidak telus (Bousalis, 2021). Esoterisme dan kerohanian New Age sebahagian daripada gerakan budaya kontra 1960-an di Amerika yang berinteraksi dengan gerakan budaya kontra lain, antaranya gerakan ekologi, komun dan hipi yang bersifat anarki, anti-kapitalis serta anti-modenis. Golongan muda daripada gerakan-gerakan ini cenderung kepada jalan kehidupan ‘semula jadi’ yang berpaksikan elemen kejiwaan, intuisi, emosi dan kepekaan sebagai penyeimbang pemikiran (Höllinger, 2004).

Konsep ketuhanan, manusia dan ekologi bertentangan dengan ajaran Kristian ortodoks sebagai agama yang mendominasi di Barat menunjukkan bahawa kemunculan fenomena New Age adalah tanda penentangan terhadap kuasa gereja yang dianggap tidak lagi relevan. Berpegang pada kedatangan zaman Aquarius dan New Age, mereka percaya bahawa perubahan akan berlaku menuju keamanan dan kesejahteraan sejagat secara radikal. Kepercayaan ini sekali gus menjadi salah satu idea dasar pembentukan doktrin New Age. Perubahan tersebut akan dapat dicapai melalui keunggulan kesedaran rohani; kemudian masalah perkauman, kemiskinan, peperangan, kelaparan, penyakit dan sebagainya dapat diatasi (Drane, 1999; Gleig, 2014).

## KEROHANIAN NEW AGE

Spiritual atau rohani merujuk kepada idea dan tindakan berkaitan dengan kejiwaan dan roh yang bertujuan untuk mengharmonikan manusia dengan alam dan entiti suci. Berbanding agama, ia dipersembahkan sebagai konsep yang lebih peribadi dan individual. Spiritualisme New Age ditakrifkan secara longgar sebagai gerakan kerohanian yang muncul pada penghujung abad kedua puluh. Ia berkembang daripada tradisi barat esoterisme moden yang berasal dari gerakan Kristian awal, Gnostisisme<sup>15</sup> (Peters, 2022).

dimaksudkan ialah banjir besar, gempa bumi, epidemik, kebuluran, perperangan dan sebagainya. Ia berlaku disebabkan oleh sistem pemerintahan yang korup (Hanegraaff, 2007).

<sup>12</sup> “Makhluk yang memiliki tingkatan kerohanian yang unggul, hidup di dimensi yang tinggi atau di planet lain – mereka mengetahui apa yang akan berlaku – sedang memberi peringatan kepada manusia. Oleh demikian mereka memunculkan diri dengan menaiki kapal angkasa (UFO) sebagai bentuk komunikasi kepada manusia di bumi dengan makna yang tersembunyi. Sesiapa di kalangan manusia yang mengikuti ajarannya, mereka akan membawanya menaiki kapal angkasa ke tempat yang selamat” (Hanegraaff, 2007).

<sup>13</sup> Ia merujuk kepada sebuah gerakan sosial dan budaya yang menentang nilai-nilai dan norma-norma sosial yang dominan pada masa tertentu. Gerakan budaya kontra seringkali muncul sebagai reaksi terhadap kebudayaan mainstream yang dianggap membosankan, pemerintahan mutlak atau tidak bermakna. Sebaliknya, budaya kontra seringkali menekankan pada kebebasan individu, eksperimen dan kreativiti. Contoh gerakan ini ialah gerakan hippie pada 1960-an dan 1970-an, serta gerakan punk pada 1970-an dan 1980-an.

<sup>14</sup> Ia merupakan satu bentuk kritikan budaya sebagai reaksi terhadap agama Yahudi-Kristian dan rasionalisme yang mendominasi budaya Barat di samping sebagai satu proses pensekularisasi agama (Hanegraaff, 1996).

<sup>15</sup> Gnostisisme ialah istilah yang digunakan oleh para sarjana moden untuk merujuk kepada pelbagai pergerakan falsafah dan ideologi dalam dunia Greko-Rom, terutamanya pada zaman awal Kristian khususnya pada abad ke-2. Gnostisisme berpegang bahawa ‘pengetahuan rahsia’ merupakan jalan penyelamatan bagi manusia dan ia berhak didapatkan oleh sekalian manusia hasil kasih sayang dan kurnia Jesus sebagaimana yang dijelaskan di dalam Efesus 2:8-9. Pengetahuan yang dimaksudkan adalah pengetahuan peribadi dan pengalaman wahu tentang tuhan yang bersumber daripada kebenaran kewujudan yang sahih dan tradisi dan ritual rahsia, bukan daripada pengetahuan dalil yang rasional. Idea “siapa yang mengenal dirinya, ia mengenal tuhan” menjelaskan bahawa manusia adalah percikan ketuhanan merupakan asas mistik barat yang mengetengahkan tradisi kuno tentang pengetahuan dalaman (Peters, 2022).

New Age pada asasnya adalah mengenai pencarian perspektif rohani dan falsafah yang akan membantu mengubah manusia dan dunia, justeru para pengikutnya bersikap terbuka untuk mempelajari “ilmu hikmah” (*wisdom teachings*) daripada pelbagai sumber agama, aliran dan falsafah termasuk bomoh mahupun ahli psikologi (Drury, 2004), justeru Sutcliffe (2003) melihat “New Age” sebagai sebuah istilah basahan yang digunakan untuk pelbagai kerohanian alternatif (Sutcliffe, 2003). Pelbagai latihan dan amalan penyembuhan serta kerohanian di dalam fenomena New Age walaupun kebanyakannya tradisi, latihan dan amalannya sudah wujud sejak lama sebelum bermulanya fenomena New Age pada 1950-an dan 1960-an.

Kemasukan tradisi dan amalan agama Timur ke dalam fenomena gerakan ini juga merupakan hasil daripada cabaran yang dihadapi dalam menentang paradigma materialistik dan patriarki di dalam budaya Barat kontemporari (Lucas, 2023). Namun begitu, intinya, ia terhasil daripada doktrin evolusi yang dipegang oleh New Age iaitu sebuah proses pertumbuhan dan perubahan peribadi individu dan kosmik menuju pencerahan rohani tertinggi (Hanegraaff, 1996).

### Konsep Evolusi Kerohanian

Evolusionisme New Age merupakan satu sistem kepercayaan yang utama di dalam gerakan ini yang menggabungkan aspek evolusi dengan spiritual. Ia menjelaskan bahawa evolusi kehidupan di bumi merangkumi proses biologi dan rohani, iaitu manusia sentiasa berkembang bukan sahaja dari segi fizikal, tetapi juga rohani dan dipandu oleh kuasa atau kesedaran tertinggi yang dikenali sebagai “kuasa” (*force*), sejenis kuasa ketuhanan dan suatu entiti rohani.

Di dalam konteks New Age, kuasa tersebut juga dikenali dengan istilah “kesedaran kosmik” (*cosmic intelligence*) atau “minda sejagat” (*universal mind*), merujuk kepada tenaga sejagat yang dipercayai wujud dan berperanan dalam pertumbuhan peribadi, rohani dan kesedaran untuk mencapai apa yang dipanggil sebagai “peribadi tertinggi” (*higher-Self*) serta memandu jiwa individu di sepanjang proses reinkarnasi, selain itu berperanan memandu penciptaan alam semesta, daripada kejadian organisma paling ringkas sehingga kejadian yang kompleks (Hanegraaff, 1996).

Ringkasnya, New Age menganggap bahawa manusia memiliki percikan dan intipati ketuhanan, manakala evolusi merupakan satu jalan penemuan kepada kesedaran diri dan ‘pengetahuan’ yang lebih tinggi, iaitu menjadi tuhan. Intinya, ia bertujuan untuk meningkatkan tahap kesedaran rohani dan psikologi individu secara mendalam agar dapat menyesuaikannya dengan kehidupan sosial dan alam, kemudian mencipta ketuhanannya. Hal ini sekali gus menjelaskan bahawa kemanusiaan merupakan elemen terpenting di dalam sistem kepercayaan New Age.

Konsep evolusi yang dipegang oleh aliran ini menyatakan bahawa lonjakan kuantum dalam proses kosmik berpaksikan pada tahap kesedaran manusia, yang mana perubahan tersebut didorong oleh pengetahuan dan kesedaran manusia terhadap tuhan serta perhubungan yang erat antara manusia dengan alam. Pandangan ini sekali gus menolak konsep ciptaanisme (*creationism*)<sup>16</sup>. Kenyataan tersebut juga menjelaskan gerakan ini dicirikan oleh perspektif holistik tentang dunia dan penekanan kepada pengalaman rohani individu dan pertumbuhan peribadi yang diambil daripada pelbagai sumber, termasuk kerohanian Timur, tradisi esoterik Barat dan amalan rohani orang asli serta menggabungkan elemen bantuan diri (*self-help*) dengan psikologi popular (Lucas, 2023).

Kepercayaan dan amalan kerohanian tersebut menggarap segala tradisi dan amalan terapi penyembuhan alternatif pelbagai budaya dan agama yang memfokuskan kesihatan holistik – badan, minda dan jiwa. Setiap satunya mendukung tujuan kerohanian New Age iaitu menekankan idea untuk mencipta realiti sendiri melalui pemikiran positif dan menggalakkan pertumbuhan rohani dan kesejahteraan peribadi (Hanegraaff, 1996; Kreitz, 1999). Antaranya

<sup>16</sup> Ciptaanisme atau *creationism* merupakan suatu kepercayaan agama bahawa alam ini diciptakan oleh Tuhan sebagai Pencipta Mutlak (*Absolute Creator*). Kepercayaan ini kebiasaannya dipegang oleh agama-agama Abrahamik seperti Islam, Kristian dan Yahudi. Namun, bagi New Age, pandangan ini dianggap terbatas dan sempit; manakala ia cenderung berpandangan bahawa alam ini adalah satu kesatuan yang saling terkait dan bahagian daripada energi universal (Ruse, 2022).

meditasi<sup>17</sup>, afirmasi<sup>18</sup>, terapi kristal (*crystalotherapy*)<sup>19</sup>, reiki<sup>20</sup>, astrologi<sup>21</sup>, yoga dan tarot (Kreitz, 2012).

## Metafizik New Age

Konsep evolusi kerohanian yang dibentangkan oleh *New Age* sekali gus menjelaskan bahawa mereka menjadikan sistem kepercayaan panteisme dan monisisme sebagai pandangan alam. Prinsip monisisme dan panteisme iaitu “setiap sesuatu adalah satu dan semuanya ialah tuhan” merupakan falsafah teras di dalam *New Age* yang menekankan keterkaitan semua perkara dan tanggapan bahawa alam pada asasnya adalah satu (Winker, 1994). Intipati gerakan ini dapat dirumuskan dengan tiga perkataan, “All is One” yang menjelaskan bahawa alam ini terdiri daripada tenaga tulen, tidak dibezaikan dan bersifat sejagat. Semua perkara adalah sebahagian daripada proses tunggal, luas dan saling berkaitan.

Prinsip ini turut ditonjolkan di dalam segenap produk *New Age* di dalam bidang sains, perubatan, media hiburan, politik dan pendidikan. Prinsip teras ini, sekali gus menjelaskan bahawa manusia ialah tuhan<sup>22</sup> serta memiliki kemampuan dan potensi yang tidak terbatas termasuk berupaya mencipta realiti mereka sendiri. Idea ini menekankan kuasa individu untuk membentuk pengalaman mereka sendiri tentang dunia dan menggalakkan individu itu untuk bertanggungjawab ke atas pemikiran dan emosi mereka dalam mencipta kehidupan yang lebih positif dan memuaskan (Chandler, 1988). Manakala, segenap kelemahan yang wujud dalam diri dan kehidupan manusia adalah berpunca daripada kejahilan mereka terhadap ketuhanannya sebagaimana terjadinya perperangan, pergolakan, rusuhan kaum, kemiskinan dan sebagainya. Menurut *New Age*, kebaikan atau kejahatan tercipta daripada pemikiran manusia, justeru kejahatan dan kelemahan yang terjadi adalah disebabkan oleh pengabaian individu terhadap sifat ketuhanannya, maka pencerahan dan kesedaran rohani adalah solusi bagi permasalahan tersebut (Winker, 1994).

Berpaksikan kepada prinsip “semua adalah satu”, “semua ialah tuhan” dan “manusia ialah tuhan”, setiap individu bertanggungjawab untuk menyedari peranan dan kedudukan utama mereka sebagai tuhan. Pencerahan atau *enlightenment* merupakan jalan penyelamatan dalam perspektif *New Age*, berbeza dengan konsep penyelamatan menurut Kristian dan agama tradisional lain. Pemerkasaan dan transformasi peribadi menghantarkan individu kepada kesedaran ketuhanan (*god-realization*) melalui pengamalan teknik pengubahsuaian kesedaran (*consciousness-altering techniques*) di dalam seminar dan bengkel-bengkel pemerkasaan diri anjuran *New Age* seperti *The Forum* dan *Erhard Seminars Training* (EST).

Pelbagai teknik yang dianjurkan memfokuskan kepada fizikal dan mental, yang mana ia diibaratkan seperti penerima (*receiver*) dan penghantar (*transmitter*) kepada kuasa kosmik. Seterusnya, transformasi peribadi dan kesedaran kosmik ini merupakan pemicu kepada transformasi global, iaitu pemerkasaan kesedaran rohani secara besar-besaran dalam kalangan masyarakat dan membuka tirai sebuah zaman baharu yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

<sup>17</sup> Meditasi adalah amalan yang sangat umum dalam *New Age*, yang sering digunakan untuk mencapai kedamaian batin, keseimbangan dan kesedaran diri. Terdapat pelbagai jenis meditasi, termasuk meditasi pemusatan, meditasi *mindfulness*, dan meditasi visualisasi.

<sup>18</sup> Afirmasi ialah amalan menggunakan pernyataan positif yang diulang-ulang untuk mengubah pemikiran dan tingkah laku yang negatif menjadi positif.

<sup>19</sup> *Crystallotherapy* melibatkan penggunaan kristal atau batu tenaga untuk menyembuhkan atau mempengaruhi tenaga badan dan emosi seseorang. Kristal ini dipercayai mempunyai tenaga yang berbeza dan boleh digunakan untuk tujuan penyembuhan atau membersihkan tenaga negatif.

<sup>20</sup> Reiki adalah amalan penyembuhan tenaga yang melibatkan penyaluran tenaga ke dalam tubuh seseorang melalui sentuhan atau jarak. Amalan ini bertujuan untuk memulihkan keseimbangan tenaga dalam badan dan mengatasi masalah kesihatan atau emosi.

<sup>21</sup> Astrologi ialah ilmu tentang hubungan antara pergerakan dan kedudukan planet dan kejadian dan ciri-ciri manusia. Dalam kalangan *New Age*, astrologi sering digunakan sebagai alat untuk memahami diri dan ramalan masa depan (TOI Astrology, 2024).

<sup>22</sup> Konsep ini, menurut Kreitz (1999) dipengaruhi oleh fahaman agama timur seperti Hinduisme, namun asasnya ia dipengaruhi oleh penceritaan di dalam *Garden of Eden* melalui Genesis 3:4-5, “And the serpent said unto the woman, you shall not surely die. For God knows that whn you eat of it your eyes will be opened, and you will be like God, knowing good and evil” (Kreitz, 1999).

Menurut konsep ini, kesedaran kosmik adalah keadaan kesedaran yang diperluas di mana individu mengatasi ego mereka dan membina perpaduan dengan alam semesta. Keadaan kesedaran ini dikatakan dicirikan oleh rasa keterikatan, cinta dan belas kasihan yang mendalam buat sekalian makhluk (Winkler, 1994).

### **Amalan Kerohanian *New Age***

Hasil daripada pemisahan diri daripada masyarakat Amerika pada akhir abad ke-20 oleh etos kapitalistik dan autoriti Yahudi-Kristian pada zaman itu, golongan ini mencari pendekatan baharu dalam memahami kerohanian dan alam; ia dinamakan sebagai gerakan *New Age* dan dianggap sebagai sebuah gerakan sosial baharu (Lucas, 2023).

Amalan dimaksudkan dengan sesuatu yang dilakukan, dilaksanakan, dikerjakan sebagai suatu kebiasaan. Manakala, kerohanian merujuk kepada “rohani” yang bermaksud perkara yang lain daripada kebendaan iaitu batin (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Kerohanian *New Age* memberi penekanan terhadap keseimbangan individu dan holistik. Amalan dan aktiviti rohani yang dilakukan mestilah bertujuan untuk mencapai keseimbangan dalam semua aspek kehidupan iaitu fizikal, emosi, mental dan rohani. Dengan itu, gerakan ini mengembangkan aktiviti-aktiviti seperti yoga dan meditasi, di samping menerapkan kepercayaan Reiki, Yin dan Yang, Kundalini dan sebagainya. Ciri-ciri amalan kerohanian *New Age* dapat dijelaskan sepertimana berikut:

- i. Bebas. Idea-idea yang dibawa atas nama *New Age* adalah tidak tetap dan sentiasa berubah. Oleh yang demikian, ia cenderung untuk menjadi sebuah fenomena yang eksperimental dan dinamik, sekali gus pengikutnya memiliki kebebasan dan autoriti khusus dalam menentukan perjalanan kerohaniananya. Setiap individu, menurut *New Age*, memiliki kebebasan untuk memilih dan menjalani amalan atau praktik rohani yang sesuai dengan keyakinan dan keperluan peribadinya. Hal ini menjelaskan bahawa amalan kerohanian *New Age* menggunakan pendekatan individualistik. Sama ada bermeditasi, membaca buku kerohanian, mengikuti seminar, mahupun melakukan aktiviti-aktiviti perubatan alternatif, individu secara bebas cenderung melakukan eksplorasi kendiri dengan membawa tujuan untuk mengembangkan pemahaman tentang kerohanian, iaitu keyakinan kepada suatu yang lebih besar daripada fizikal dirinya (Hedges & Beckford, 2000).
- ii. Eklektisisme. Di atas prinsip kebebasan untuk mengamalkan apa jua amalan dan tradisi rohani yang dianggap bersesuaian dan relevan untuk individu tertentu, ia menunjukkan bahawa kerohanian *New Age* turut mengamalkan pendekatan eklektisisme, di mana ia melibatkan pemilihan dan penggabungan elemen-elemen yang berbeza dari pelbagai sumber tanpa membataskan pada satu-satu tradisi dan sistem tertentu. Eklektisisme melibatkan pemilihan dan penggabungan elemen-elemen yang dianggap berguna, bermakna dan terbaik secara peribadi daripada pelbagai jenis amalan dan tradisi (Frisk & Nynäs, 2009).
- iii. Sinkretisme. Kerohanian *New Age* turut menggunakan pendekatan sinkretisme, iaitu penggabungan atau penyatuan berbagai amalan daripada pelbagai tradisi, budaya dan sistem kepercayaan. Mistisisme agama Buddhisme, Kristianiti, Hinduisme, Islam dan Taoisme menjadi bahagian dalam gambaran ini. Begitu juga dengan elemen-elemen dari ajaran pagan termasuk Celtic, Druidik, Maya, dan orang asli Amerika India, juga turut masuk dalam gambaran ini. Termasuk dalam kerangka tersebut, pengamalan kerohanian seperti meditasi Zen, ritual Wicca, seminar pembangunan rohani, terapi pemikiran dan aktiviti shamanik. Berbeza dengan eklektisisme, sinkretisme melibatkan penyatuan dan penggabungan unsur-unsur rohani dan falsafah daripada kepelbagaian sumber sama ada dari agama tradisional, kepercayaan kuno, mahupun falsafah timur dan barat. Ciri ini juga memperlihatkan sikap kebebasan dalam beramal bagi memenuhi keperluan dan keyakinan rohani secara peribadi. Sinkretisme dalam fenomena gerakan ini menjelaskan

- bahawa ajaran yang dibawa bukan suatu yang baharu, melainkan diambil daripada tradisi dan budaya sedia ada (Hedges & Beckford 2000; Horn, 1996).
- iv. Pengalaman peribadi. *New Age* menekankan pengalaman peribadi secara langsung, yang mana ia merupakan kunci untuk memahami dan mengembangkan potensi individu secara rohani. Berbeza dengan sistem agama tradisional yang berpegang pada dogma dan autoriti luaran, gerakan ini mendorong individu untuk sentiasa mencari kebenaran sendiri melalui pengalaman langsung. Oleh yang demikian, ia dianggap sebagai sumber kebijaksanaan dan panduan bagi individu iaitu pengetahuan tentang tuhan, intuisi kebatinan, mistik dan sebagainya (Hanegraaff, 1996).

Oleh yang demikian, ciri-ciri tersebut menunjukkan bahawa sama ada idea, amalan atau pandangan yang dipegang dalam kalangan pengikut *New Age* tidak seragam dan pelbagai. Mistisisme agama Buddhisme, Kristianiti, Hinduisme, Islam dan Taoisme menjadi bahagian dalam gambaran ini. Begitu juga dengan elemen-elemen dari ajaran pagan termasuk Celtic, Druidik, Maya, dan orang asli Amerika India, juga termasuk dalam gambaran ini. Dalam konteks *New Age*, semua kepercayaan, nilai dan kebenaran adalah bersifat tidak mutlak, bahkan relatif. Bagi menentukan suatu kebenaran, ia tergantung kepada individu atau kelompok yang mengalaminya. Tiada kebenaran yang mutlak atau autoriti tertentu yang terpakai untuk semua individu, justeru kebenaran dianggap sebagai pengalaman peribadi dan bersifat subjektif (Gleig, 2014).

Sebahagian amalan kerohanian *New Age* dilihat sebagai tidak melebihi daripada sekadar teknik relaksasi tekanan jiwa dan ketegangan fizik serta tidak memiliki kandungan keagamaan. Namun begitu, secara dasarnya gerakan ini berpaksikan kepada kepercayaan-kepercayaan berikut (Kreitz, 1999):

- i. Berpegang kepada pandangan dunia monisme bahawa "semua adalah satu" iaitu semua realiti adalah sebahagian daripada keseluruhan". Ia merujuk kepada konsep bahawa segala yang wujud saling berkaitan dan merupakan sebahagian daripada kesatuan yang menyeluruh.
- ii. Berpegang kepada kepercayaan panteisme bahawa "segala-galanya adalah tuhan dan tuhan adalah segala-galanya".
- iii. Manusia ialah tuhan dan tuhan ialah segalanya. Gerakan ini melihat bahawa ketuhanan bukan daripada sumber luar, melainkan di dalam diri manusia dan ia hanya dapat dicapai melalui pengetahuan diri.
- iv. Manusia tidak akan mati, melainkan hanya mengalami reinkarnasi.
- v. Manusia dapat mencipta realitinya sendiri.

Penggunaan konotasi dan slogan seperti "pemikiran holistik dan sinergistik" (*holistic and synergistic thinking*), "alam sekitar" (*ecology*) "penyatuan dan keharmonian global" (*global unity and harmony*), "tenaga kosmik" (*cosmic energy*), "pemerkasaan diri" (*awakening*), "kesedaran" (*consciousness*), "potensi manusia" (*human potential*) dan sewaktu dengannya mendominasi dalam penulisan dan perbualan yang merujuk kepada *New Age* walhal ia menyembunyikan kandungan agama di sebalik paparan berilmiah. Akibatnya, amalan *New Age* di bawah konotasi-konotasi tersebut telah merambat hampir ke setiap penjuru sama ada sosiologi, psikologi, perubatan, seni, perniagaan, media, hiburan, sukan, pendidikan, bahkan gereja dan penganutnya (Kreitz, 1999).

## PENGARUH NEW AGE DI MALAYSIA

Mendepani cabaran globalisasi, individu terdedah kepada masalah perubahan sosial dan budaya, persaingan pekerjaan, ketergantungan ekonomi dan sebagainya. Faktor ini mendorong kepada pencarian nilai rohani, yang mana kecerdasan rohani berupaya mempengaruhi kehidupan manusia, merangkumi kemampuan untuk memahami dan mengintegrasikan dimensi kerohanian

dalam kehidupan seharian. Ia melibatkan kesedaran yang mendalam tentang makna dan tujuan hidup, hubungan dengan Tuhan, alam semesta dan sesama manusia, di samping berupaya mencorakkan sikap, pemikiran dan emosi.

Ideologi kerohanian *New Age* telah memegang pengaruh sosial yang penting di dalam budaya Barat selama tiga dekad yang lalu. Kira-kira satu daripada tiga warga Amerika menerima ideologi gerakan ini (Ligonier Editorial, 2023). Berdasarkan tinjauan oleh *Pew Research Center*, majoriti pengikutnya adalah orang berkulit putih (81%), dan sebanyak 61% daripada pengamalnya adalah wanita. Mereka terdiri daripada pelbagai latar kepercayaan iaitu golongan yang percaya dan yakin sepenuhnya bahawa tuhan itu wujud (37%); golongan yang agak percaya bahawa tuhan wujud (26%); golongan yang tidak terlalu percaya bahawa tuhan wujud (4%); golongan yang tidak tahu sama ada tuhan wujud atau tidak (2%); golongan yang tidak mempercayai kewujudan tuhan (21%); dan golongan yang tidak pasti sama ada mereka mempercayai kewujudan tuhan atau tidak (10%) (Pew Research Center, 2024).

Dalam konteks masyarakat di Malaysia, gerakan-gerakan yang membawa nama *New Age* tidak dapat dikenalpasti kewujudan dan perkembangannya di Malaysia secara jelas dan ia tidak berkembang secara pesat dan radikal sebagaimana agama-agama utama iaitu Islam, Kristian, Hindu dan Buddha ataupun melalui penubuhan organisasi yang jelas. Namun begitu, ia dapat dikenalpasti dengan penyebaran ideologi dan amalan kerohanian melalui beberapa bentuk pengaruh.

### Bentuk-Bentuk Pengaruh

Walaupun *New Age* tidak menunjukkan perkembangan secara signifikan di Malaysia, namun ini tidak dapat menafikan bahawa ia tidak wujud sama sekali memandangkan *New Age* merupakan satu fenomena global yang melibatkan kepercayaan dan amalan kerohanian yang bersifat holistik. Kajian Ackerman (2005) mendapati salah satu gerakan *New Age* iaitu *Falun Dafa* (atau *Falun Gong*) telah berkembang di Malaysia pada pertengahan 1990-an sebagai gerakan spiritual untuk pasaran pembangunan minda dan jasmani dan menarik perhatian masyarakat kelas pertengahan (Ackerman, 2005). Bentuk perkembangan elemen-elemen daripada ideologi dan amalan kerohanian *New Age* di Malaysia dapat dikenalpasti dalam beberapa kategori iaitu melalui seminar dan latihan; penerbitan dan jualan buku; serta pusat rawatan alternatif dan pembangunan diri.

### Seminar dan Latihan

Memasuki abad ke-21, latihan memperkasa potensi rohani dan emosi secara pesat dilaksanakan menerusi anjuran seminar dan kursus, terutamanya di dalam seminar pembangunan diri dan perniagaan. Tidak dapat dinafikan, kerohanian merupakan aspek yang utama dalam konteks keusahawanan Islam (Mohd Zain Mubarak, 2015).

Namun demikian, dalam perspektif masyarakat yang berpegang dengan al-Quran dan al-Sunnah, seminar-seminar sebegini sebahagiannya mewujudkan suasana kontroversi apabila modul yang diajarkan mengandungi elemen yang meragukan oleh idea atau fahaman yang bertentangan dengan ajaran dan nilai Islam. Antara contoh seminar pembangunan diri yang membawa ideologi *New Age* sekali gus membawa pengaruh kepada masyarakat beragama Islam seperti berikut:

- i. Kursus ESQ Leadership Training (2010): Kursus seminar ini telah mendapat perhatian institusi keagamaan seperti Jabatan Mufti Negeri Selangor (JMNS). Keputusan mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor (September 2010) menggesa agar modul kursus tersebut diubah semula. Manakala, Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis (Disember 2010) menetapkan sebarang penyertaan dan aktiviti berkenaan kursus itu dilarang sama sekali, sebagaimana yang diwartakan oleh Majlis Perundingan Hukum Syarak Wilayah

- Persekutuan (Ogos 2009) menetapkan bahawa kursus tersebut menyeleweng daripada ajaran Islam dan membawa kecelaruan akidah kepada umat Islam (e-SMAF, 2009).
- ii. Seminar Metamorphosis (2019): Sebahagian daripada kandungannya bercanggah dengan syariat Islam dan memerlukan semakan dan perubahan. Isu yang menjadi permasalahan antaranya ialah: pertama, salah faham teknik berdoa; kedua, kesalahan definisi konsep tawakal; ketiga, pengenalan ajaran meraga sukma (*astral projection*); keempat, amalan meditasi; kelima, ajaran *Chakra*; keenam, ajaran keesaan universal; ketujuh, salah tafsiran terhadap ayat al-Quran, al-Hadis dan sirah nabi Kesemuanya tanpa terkecuali, idea-idea tersebut terkenal dalam gerakan *New Age* (Razif, 2019).

### Penerbitan Buku dan Majalah

Buku memiliki impak yang besar terhadap pemikiran manusia, sebagai sumber ilmu pengetahuan dan inspirasi yang dapat mempengaruhi cara seseorang memahami dunia dan bertindak. Dalam industri perbukuan, terdapat penerbitan dan jualan bahan bacaan bergenre bantuan diri (*self-help*), kefahaman kosmik dan kerohanian yang mempromosikan pelbagai idea dan teori termasuklah ajaran-ajaran *New Age* seperti konsep kesedaran (*mindfulness*), penyembuhan tenaga (*energy healing*), *Hukum Tarikan* (*Law of Attraction*), astrologi (tarikh lahir), tarot dan sebagainya (Byrne, 2006; Farber, 2016; Mullins, 2008).

Dalam penerbitan buku tempatan, terdapat beberapa tajuk buku yang mengguna pakai istilah-istilah kebiasaan bagi idea-idea *New Age* seperti *Hukum Tarikan* (*Law of Attraction*), antaranya:

- i. *Quranic Law Of Attraction* (2009) karya Rusdin S. Rauf terbitan PTS Publishing House, Kuala Lumpur.
- ii. *Law of Attraction - Edisi Bahasa Melayu* (2010) karya Micheal J. Losier terbitan PTS Profesional Publishing, Kuala Lumpur.
- iii. *Tarik Kekayaan dengan Kuasa Minda* (2008) karya Amar Mahmood terbitan PTS Publishing House, Kuala Lumpur.

Pada masa yang sama, bahan bacaan bertemakan bantuan dan pembangunan diri dari Barat turut memasuki pasaran buku Malaysia melalui kedai-kedai buku sama ada kedai di luar talian mahupun atas talian seperti Kinokuniya, MPH, Bookcafe dan platform-platform e-dagang seperti Shopee, Lazada, Coursesell dan sebagainya. Malah, Kinokuniya turut memiliki rak khusus dengan label “*New Age*” dengan menampilkan koleksi mengenai spiritualiti, bantuan diri dan kesedaran kosmik. Melalui laman web rasmi *Books Kinokuniya Malaysia*, antara judul buku yang diiklankan di bawah kategori *New Age* ialah:

- i. *The Power of Manifesting: How to Harness Cosmic Energy to Transform Your Life* (2024) karya Anne Jirsch dan Monica Cafferky;
- ii. *The Silva Mind Control Method* (2022) karya José Silva dan Philip Miele;
- iii. *You Are the Placebo: Making Your Mind Matter* (2015) karya Joe Dispenza;
- iv. *Cosmic Memory: The Story of Atlantis, Lemuria and the Division of the Sexes* (2006) karya Rudolf Steiner dan K. E. Zimmer;
- v. *The Power of Your Subconscious Mind* (2009) karya Joseph Murphy; dan
- vi. *The Essential Book of Chakra Healing: Balance Your Vital Energies* (2024) karya Sahar Huneidi-Palmer.

Bahan-bahan bacaan tersebut antara bentuk yang jelas bagi kemasukan fahaman *New Age* dalam kalangan masyarakat di Malaysia memandangkan ia dipasarkan secara terbuka dan mudah untuk didapatkan.

## Media Sosial

Didorong oleh kecanggihan teknologi masa kini, penyelewengan akidah dan penyebaran suatu fahaman boleh berlaku melalui pelbagai saluran media massa termasuk media sosial, selain melalui para guru secara langsung (Majlis Agama Islam Selangor, 2023). Terdapat individu atau figura tertentu yang aktif menerapkan dan menyampaikan ideologi *New Age* menerusi saluran YouTube dan hantaran di media sosial seperti Facebook dan TikTok secara aktif.

Melalui media sosial, fahaman dan idea *New Age* lebih berleluasa dan menyebar dengan lebih cepat dalam kalangan generasi muda yang aktif dalam platform digital. Ini kerana media sosial membolehkan pengguna berkongsi kandungan dengan mudah, termasuk artikel, video dan imej yang menyokong kepercayaan dan idea *New Age*. Selain itu, ciri seperti algoritma carian juga cenderung untuk mengarahkan pengguna ke kandungan yang sepadan dengan minat dan kepercayaan mereka, sekali gus mengukuhkan penyebarannya. Amalan-amalan tersebut dapat dikenalpastu melalui carian kata kunci seperti “aura warna”, “rahsia tarikh lahir”, “metafizik tarikh lahir”, “personaliti berdasarkan warna melalui tarikh lahir”, “rahsia tarikan” dan seumpamanya. Antara idea dan amalan yang kian berlegar di media sosial adalah:

- i. Numerologi<sup>23</sup>: Aktiviti dan amalan berunsurkan numerologi dapat dikenalpasti melalui amalan ramalan nombor, abjad dan tarikh lahir tertentu. Ini adalah salah satu sistem kuno yang kerap digunakan untuk meramal. Pada asasnya, numerologi mengkaji bagaimana angka-angka berkait rapat dengan objek atau makhluk hidup. Biasanya, ahli numerologi akan menggunakan nama penuh individu atau tarikh lahir mereka untuk mencari nombor yang khusus. Dengan numerologi, dikatakan seseorang dapat mengenali arah kehidupan, potensi diri dan bakat yang tersembunyi (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2013).
- ii. Bibliomansi<sup>24</sup>: Penyebaran idea bibliomansi dalam kalangan masyarakat muslim di Malaysia antaranya melalui pakar motivasi, pempengaruh dan tokoh awam di media sosial tentang kaedah amalan Garpu Tala yang juga dikenal sebagai “Istikharah al-Quran”. Ia adalah amalan yang menggunakan kaedah menyelak atau membuka naskhah al-Quran dan meletakkan jari di satu-satu ayat secara rawak untuk mendapatkan jawapan bagi permasalahan yang dihadapi oleh seseorang. Ia dianggap sebagai jawapan dan panduan yang diterima daripada Allah SWT secara langsung. Amalan ini juga adalah bentuk daripada pengislamisasian amalan *New Age* (Hamzani Ismail et al., 2021; Ahmad Iqram, 2021).
- iii. Hukum tarikan (*Law of Attraction* atau LoA): Penggunaan istilah ini telah diketahui umum dalam kalangan masyarakat di Malaysia terutamanya generasi muda yang mana ia banyak dijelaskan di dalam media sosial seperti YouTube, Facebook dan TikTok<sup>25</sup>, selain ia dapat dijumpai di dalam buku-buku motivasi berasal dari Barat. Menggunakan istilah yang sama iaitu “*Law of Attraction*”, pencipta kandungan sama ada melalui video pendek mahupun penulisan, masing-masing memiliki pemahaman yang berbeza-beza meskipun dengan idea yang sama iaitu positiviti (Azim Adnan, 2023; Isma Ismail, 2023). Tidak dapat dinafikan, LoA memberi mesej yang baik. Ia menganjurkan kepada individu untuk memiliki pemikiran yang positif seupaya dapat menarik perkara-perkara yang baik, sebagaimana Islam juga mengajarkan umatnya untuk sentiasa bersangka baik dan berbuat kebaikan untuk mendapatkan pahala (balasan baik). Namun demikian, terdapat batasan tentang fahaman konsep LoA ini yang perlu lebih diperhalusi agar ia lebih bertepatan dengan nilai dan ajaran Islam yang sebenarnya. Seterusnya, berorientasikan LoA, sebahagian

<sup>23</sup> Numerologi merupakan kajian tentang nombor-nombor yang dipercayai mempunyai pengaruh atau erti tertentu dalam kehidupan seseorang individu (Bahasa dan Pustaka 2007). Dalam *New Age*, numerologi menjadi sumber untuk mendapatkan pemahaman dan pandangan baru dengan memanfaatkan nombor untuk menyelami dimensi rohani serta mengarahkan perspektif peribadi. Ini membolehkan individu menggali lebih dalam ke dalam aspek-aspek metafizik dan spiritual dalam kehidupan mereka, membantu mereka mencapai kebijaksanaan dan pengertian yang lebih dalam mengenai diri mereka dan dunia sekeliling (TOI Astrology, 2024).

<sup>24</sup> Bibliomansi (*bibliomancy*) merupakan amalan meramalkan masa depan dengan mentafsir petikan yang dipilih secara rawak daripada sebuah buku, terutamanya Bible (Oxford Dictionary, 2024).

<sup>25</sup> Dengan carian kata kunci “*law of attraction*” atau “LoA” dan “hukum tarik-menarik” atau “hukum tarikan”.

daripada mereka yang berpegang dengan idea ini turut mengamalkan amalan manifestasi (*manifesting*) atau afirmasi positif. Dalam Kamus Dewan, manifestasi ialah perbuatan atau ucapan yang memperlihatkan atau menjadikan sesuatu itu. Ia juga didefinisikan sebagai melahirkan, memperlihatkan, menunjukkan, menjadikan nyata (Dewan Bahasa & Pustaka, 2008). Dalam konteks LoA, ia adalah satu kaedah yang melibatkan pengulangan kata-kata atau fikiran positif untuk menarik atau mencapai matlamat atau keinginan yang diinginkan. Amalan manifestasi atau afirmasi positif bertujuan untuk mengalihkan minda ke arah pemikiran yang lebih optimistik dan yakin, dengan kepercayaan bahawa apa yang difikirkan dan diucapkan secara berulang-ulang akan menjadi kenyataan. Ini sering dipraktikkan sebagai satu teknik untuk mencapai kejayaan, kebahagiaan dan kekayaan dalam hidup (Diya Harith, 2023; Mohd Hisham Yahya, 2023).

Dalam konteks Islam, pengaruh *New Age* dilihat sebagai cabaran kepada pegangan dan prinsip agama. Walaupun beberapa elemennya mungkin selaras dengan nilai-nilai Islam seperti kesedaran diri dan kebaikan, terdapat juga aspek yang bercanggah dengan ajaran Islam. Sebagai contoh, amalan-amalan seperti meditasi yang dijalankan dengan tujuan menghubungkan diri dengan tenaga kosmik atau entiti rohani, ia jelas bercanggah dengan ajaran Islam yang menekankan tauhid atau keesaan Allah.

## KESIMPULAN

Kajian itu menyimpulkan bahawa *New Age* adalah pergerakan yang kompleks dan kabur dari segi doktrin dan amalan rohaninya. *New Age* sukar untuk ditakrifkan secara seragam kerana ia mencerminkan kepelbagaiannya dalam kepercayaan, pemikiran dan amalan rohani. Salah satu ciri yang ditekankan dalam penyiasatan ini ialah pendekatan relatif terhadap kebenaran dan nilai. Gerakan ini merangkumi konsep relativisme, di mana setiap individu diakui mempunyai hak untuk memilih dan menyatakan kepercayaan dan pemikiran mereka sendiri. Oleh itu, gerakan atau aliran ini sering dianggap sebagai ekspresi individualisme, di mana setiap individu dihormati dalam pencarian kebenaran dan makna.

Walau bagaimanapun, di bawah asas kebebasan ini, terdapat tema utama yang merangkumi pelbagai amalan dan kepercayaan iaitu prinsip panteisme dan monisme sebagai prinsip falsafah gerakan ini. Panteisme mengajar bahawa segala sesuatu di alam semesta adalah sebahagian daripada Tuhan atau realiti ketuhanan, manakala monisme menyatakan bahawa semua perkara adalah kesatuan yang tidak dapat dipisahkan. Amalan sinkretisme dan eklektikisme juga terdapat dalam dimensi rohani gerakan ini dengan menerima pakai dan menggabungkan unsur-unsur daripada pelbagai tradisi dan kepercayaan agama, mewujudkan sintesis baharu yang unik kepada setiap individu atau kumpulan. Ini menimbulkan cabaran dalam mencipta definisi yang konsisten bagi *New Age*. Oleh itu, kajian menyimpulkan bahawa *New Age* adalah gerakan yang kompleks dan pelbagai, yang tidak mudah untuk ditakrifkan atau difahami. Walaupun sering dilihat hanya sebagai “gerakan” yang menawarkan pelbagai amalan dan idea rohani, *New Age* sebenarnya mencerminkan asas falsafah yang konsisten dalam panteisme dan monisme, sambil mengekalkan nilai-nilai individualisme dan relativisme.

Pengamalan ajaran kerohanian *New Age* merupakan keputusan suatu individu yang didasarkan atas prinsip “kebebasan peribadi” dan “pengalaman peribadi” dengan penelitian dan eksplorasi. Oleh kerana itu, amalan kerohanian yang dipegang oleh satu-satu individu itu bersifat variasi dan tidak seragam. Amalan dan ajaran kerohanian tersebut sama ada bersumberkan fahaman suatu agama, budaya, tradisi klasik, falsafah, teori psikologi mahupun kepercayaan bomoh. Fenomena ini secara tidak langsung menyatakan bahawa agama seolah-olah tidak lagi berupaya menjadi ‘tempat bersandar’ bagi sebahagian individu sehingga menjadikan amalan kerohanian yang berasal-usulkan sumber yang tidak jelas dan bercampur-baur sebagai solusi masalah hidup dan pemenuhan keperluan jiwa dan emosi.

Dalam konteks keagamaan, *New Age* telah memberi kesan yang signifikan kepada pandangan beragama, terutamanya dalam kalangan masyarakat Islam, daripada sudut akidah, syariah dan ibadah. Dengan ajaran-ajaran yang cenderung relativistik dan individualistik, ia telah menimbulkan ketidakseimbangan dalam pemahaman tradisi agama yang difahami dan dianuti terutamanya dalam Islam, di mana konsep ketuhanan dan amalan ibadah diatur secara ketat oleh syariah yang mana pengaruh *New Age* dapat membingungkan dan melemahkan keyakinan keagamaan. Oleh kerana itu, pihak berkuasa dan institusi keagamaan disarankan untuk memberikan tumpuan khusus dalam membangunkan kesedaran, mendidik, serta mempertingkatkan ketahanan masyarakat Islam terhadap pengaruh *New Age*, sama ada yang jelas atau tersirat. Ini boleh dicapai melalui pelbagai program pendidikan dan kesedaran yang mencakupi konsep-konsep asas dalam agama Islam, dengan menekankan kepentingan pemahaman yang kukuh terhadap akidah, syariah dan ibadah.

Di samping itu membangunkan strategi untuk menangani serta mengawal amalan-amalan kerohanian yang bertentangan dengan ajaran agama Islam, seperti Reiki atau praktik penyembuhan tenaga lain. Antaranya, penyebaran maklumat yang jelas tentang bahaya dan ketidaksesuaian amalan-amalan tersebut dengan nilai-nilai Islam, serta memberikan alternatif yang sesuai dan sahih berdasarkan ajaran agama.

Kesimpulannya, menghadapi pengaruh *New Age* dalam masyarakat Islam memerlukan pendekatan yang holistik dan berdaya tahan. Pendidikan, kesedaran dan tindakan pencegahan yang tepat akan membantu memastikan agar umat Islam tetap teguh dalam keyakinan agama mereka dan terhindar daripada pengaruh yang dapat merosakkan pemahaman mereka tentang Islam.

## RUJUKAN

- Ackerman, S. E. (2005). Falun Dafa and the New Age Movement in Malaysia: Signs of Health, Symbols of Salvation. *Social Compass*. 52(4), 495–511.
- Adnan, A. (2023). You percaya dengan Law of Attraction? Malaysia. <https://vt.tiktok.com/ZSFEt2HXL/> [26 April 2023].
- Ahmad Iqram Mohamad Noor. (2021). *Tersetan: Kebatilan Gerakan New Age*. Kuala Lumpur: NHA Publications.
- Asprem, E. (2020). Esotericism. *SAGE Encyclopedia of the Sociology of Religion*. United Kingdom: SAGE Publications.
- Bousalis, R. R. (2021). The Counterculture Generation: Idolized, Appropriated, and Misunderstood. *The Councilor: Journal of the Social Studies*. 82(2).
- Brennan, D. (2020). How spirituality affects mental health. WebMD. <https://www.webmd.com/balance/how-spirituality-affects-mental-health> [26 April 2023].
- Bull, C. H. (2018). *The Tradition of Hermes Trismegistus*. Leiden: Brill.
- Carr-Chellman, D. J. & Kroth, M. (2017). The Spiritual Disciplines as Practices of Transformation. *International Journal of Adult Vocational Education and Technology*. 8(1), 23–35.
- Chandler, R. (1988). *Understanding the New Age*. Dallas: Word Publishing.
- Cristoph Kreitz. (2012). *The New Age Movement*. New York: Cornell University.
- Cumbey, C. E. (1983). *The Hidden Dangers of the Rainbow: The New Age Movement and Our Coming Age of Barbarism*. Lafayette, LA: Huntington House Inc.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2008). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Diya Harith. (2023). Kuasa minda. Malaysia. <https://vt.tiktok.com/ZSFohPdsW/>.
- Drane, J. W. (1999). Apocalyptic Hope in the New Age. *EVANGEL* 17(19), 85–87.
- Drury, N. (2004). *New Age: Searching for the Spiritual Self*. New York: Thames & Hudson.
- Duignan, B. (2024). Postmodernism. *Encyclopedia Britannica*. <https://www.britannica.com/topic/postmodernism-philosophy> [22 April 2024].
- Ellwood, R. (1994). *The Sixties Spiritual Awakening: American Religion Moving from Modern to Postmodern*. Los Angeles: Rutgers University Press.

- Frisk, L. & Nynas, P. (2009). Globalization : An Important Key Factor in Contemporary Religious Change. *Journal of Alternative Spiritualities and New Age Studies* 5(1), 1–14.
- Gleig, A. (2014). New Age Movement. *Encyclopedia of Psychology and Religion*. Springer International Publishing.
- Greisiger, L. (2015). *Apocalypticism, Milleniarism and Messianism. The Oxford Handbook of the Abrahamic Religions*. New York: Oxford University Press.
- Hammer, O. (2004). *Claiming Knowledge*. Boston: Koninklijke Brill.
- Hamzani Ismail, Ainul Nadzifah Mohd Ali & Noor Hanisah Abdul Halim. (2021). Amalan Garpu Tala Menurut Perspektif Al-Quran dan Hadis. *Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IX*, hlm. 1–10. Bangi: Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hanegraaff, W. J. (2007). *The New Age and Western Esotericism. Handbook of New Age*. Netherlands: Martinus Nijhoff Publishers.
- Hanegraaff, W. J. (1996). *New Age Religion and Western Culture: Esotericism in the Mirror of Secular Thought*. New York: E.J. Brill Leiden.
- Hedges, E. & Beckford, J. A. (2000). Holism, Healing and the New Age. Dlm. S. Sutcliffe (pnyt.) & Bowman (pnyt.). *Beyond New Age: Exploring Alternative Spirituality*, hlm. 169–187. Edinburgh: Edinburg University Press.
- Heelas, P. (1996). *The New Age Movement: Religion, Culture and Society in the Age of Postmodernity*. Cambridge: Wiley.
- Heelas, P. (1999). *The New Age movement: The Celebration of the Self and the Sacralization of Modernity*. USA: Blackwell Publishers Inc.
- Heelas, P. & Woodhead, L. (2005). *The Spiritual Revolution: Why Religion Is Giving Way to Spirituality*. United States: Wiley-Blackwell.
- Höllinger, F. (2004). Does the counter-cultural character of new age persist? Investigating social and political attitudes of new age followers. *Journal of Contemporary Religion*. 19(3), 289–309.
- Horn, I. H. (1996). *The Implications of New Age Thought for the Quest for Truth: A Historical Perspective*. University of South America.
- Huxley, A. (2009). *The Perennial Philosophy: An Interpretation of the Great Mystics, East and West*. New York: Harper Perennial Modern Classics.
- Isma Ismail. (2023). The Law of Attraction. Malaysia. <https://vt.tiktok.com/ZSFEtMHd3/>.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2013). *Garis Panduan Program Motivasi Berunsur Islam*. Putrajaya: JAKIM.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2021). Kesihatan Mental dan Sokongan Psikososial Ketika Pandemik Covid-19. Kementerian Kesihatan Malaysia. <https://covid-19.moh.gov.my/semasa-kkm/2021/06/mhpss-kesihatan-mental-dan-sokongan-psikososial-ketika-pandemik-covid-19>.
- Kemp, D. (2007). *Handbook of New Age*. Netherlands: Martinus Nijhoff Publishers.
- Kreitz, C. (1999). *What the Cults believe*. Tabernacle Baptist Church. New York.
- Lewis, J. R. & Melton, J. G. (1992). *Introduction. Perspectives on the New Age*. New York: State University of New York Press.
- Ligonier Editorial. (2023). What Is New Age Spirituality? *Ligonier.org*. <https://www.ligonier.org/learn/articles/field-guide-on-false-teaching-new-age-spirituality> [28 April 2024].
- Lucas, P. C. (2023). New Age Spirituality. *Contemporary American Religion*. <https://www.encyclopedia.com/religion/legal-and-political-magazines/new-age-spirituality> [9 February 2023].
- Melton, J. G. (1992). *New Thought and the New Age. Perspectives on The New Age*. New York: New York Press.

- Mohamad Razif. (2019). Beberapa Isu dalam Seminar Metamorphosis: Satu Pendapat. *Bayan Linnas*. <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/3698-bayan-linnas-siri-ke-134>.
- Mohd Hisham Yahya. (2023). Kuasa Minda. Kuala Lumpur. <https://vt.tiktok.com/ZSFohrCfF/>.
- Noor Atiqah Sulaiman. (2022). Makin ramai sakit mental di Malaysia. *My Metro*. Kuala Lumpur. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/07/860359/makin-ramai-sakit-mental-dimalaysia> [26 April 2023].
- Pew Research Center. (2024). Members of the New Age Movement. [pawresearch.org](https://www.pewresearch.org/religious-landscape-study/database/religious-family/new-age/#beliefs-and-practices). <https://www.pewresearch.org/religious-landscape-study/database/religious-family/new-age/#beliefs-and-practices> [28 April 2024].
- Peters, M. A. (2022). New age spiritualism, mysticism, and far-right conspiracy. *Educational Philosophy and Theory*. 0(0), 1–9.
- Ruse, M. (2022). Creationism. The Stanford Encyclopedia of Philosophy. <https://plato.stanford.edu/cgi-bin/encyclopedia/archinfo.cgi?entry=creationism> [13 April 2024].
- Sutcliffe, S J & Gilhus, I. S. (2013). *New Age Spirituality: Rethinking Religion*. Abingdon, Oxford: Routledge.
- Sutcliffe, Steven J. (2003). *Children of the New Age: A History of Spiritual Practices*. London: Routledge.
- The Editors of Encyclopaedia Britannica. (2003). Occultism Summary. *Encyclopedia Britannica Britannica*. <https://www.britannica.com/summary/occultism> [7 April 2024].
- TOI Astrology. (2024). Ancient origin and modern interpretation of numerology. *The Times of India*. <http://timesofindia.indiatimes.com/articleshow/108263647>.
- Winker, E. K. (1994). *The New Age is Lying to You*. United Kingdom: Concordia Publishing House.
- York, M. (1995). The Emerging Network: A Sociology of the New Age and Neo-pagan Movements. London: Rowman & Littlefield.
- Zwissler, L. (2018). New Age, Wicca and Paganism. *The International Encyclopedia of Anthropology*. 1–11.